

# Pastikan negara tak jadi tempat buang sisa tercemar

**Putrajaya:** Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advance Materials Plant (LAMP) di Gebeng, Pahang untuk memastikan Malaysia tidak menjadi tempat pembuangan bahan tercemar oleh syarikat dari negara lain.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, berkata penubuhan jawatankuasa itu diputuskan oleh mesyuarat Kabinet, pada Rabu lalu.

Katanya, kerajaan memutuskan supaya ahli jawatankuasa itu terdiri daripada mereka yang tidak menyatakan pendirian secara terbuka, sama ada untuk menyokong atau membantah operasi Lynas sebelum ini.

“Ini bagi mengelakkan mana-mana pihak mempersoal kredibiliti jawatankuasa ini disebabkan pendirian ahlinya,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, kementerian sudah meneliti keanggotaan jawatankuasa itu dan berpandangan mereka mempunyai kepakaran di bidang yang berkaitan iaitu pengurusan alam sekitar, kesihatan awam dan keselamatan sinaran radioaktif.

## Enam ahli jawatankuasa

Enam ahli jawatankuasa berkenaan ialah Felo Penyelidik Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari), Prof Datuk Dr Mazlin Mokhtar; Profesor Pelawat United Nations University - International Institute for Global Health (UNU-IIGH), Prof Dr Jamal Hisham Hashim; Pengarah Unit Keselamatan Pekerjaan, Kesihatan dan Alam Sekitar (OSHE), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Maketab Mohamed.

Profesor Madya di Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Perubatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Anita Abdul Rahman; Pengarah Pusat Kelestarian Sumber Bumi (ERAS), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Madya Dr Muzamir Hasan dan bekas Pengarah Bahagian Udara dan Bahan Merbahaya, Jabatan Alam Sekitar, Datin Paduka Che Asmah Ibrahim.

## Penilaian secara objektif

Bee Yin berkata jawatankuasa itu bertanggungjawab menjalankan penilaian secara objektif, telus dan terbuka demi kepentingan semua pihak, di mana prosidingnya turut dibuka kepada orang awam sebagai pemerhati.

Katanya, matlamat penubuhan jawatankuasa itu untuk menilai operasi LAMP termasuk aspek keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.

“Penilaian juga dibuat terhadap lanjutan tempoh masa untuk penstoran buangan terjadual, selaras dengan Peraturan 9, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

“Jawatankuasa ini diberi tempoh masa enam minggu untuk menjalankan penilaian ini dan memberikan satu laporan berserta syor kepada kerajaan,” katanya.